♥PENANG

16 - 30 NOVEMBER, 2025

PENANG 2030

PERCUMA

# BULETIN MUTIARA

www.buletinmutiara.com  buletinmutiara | ChowKonYeow  chowkonyeow  @ChowKonYeow

# Unggul dalam TVET

**KEJAYAAN** Kolej Vokasional Batu Lanchang (KVBL) meraih pengiktirafan di bawah Skim Insentif Kecemerlangan Bakat Muda Pulau Pinang (SIKBMPP) atau lebih dikenali sebagai Skim BEST! Anak Penang membuktikan komitmen berterusan Kerajaan Negeri dalam menghargai dan mengiktiraf kecemerlangan belia sebagai aset penting pembangunan modal insan negeri.

Dilancarkan pada tahun 2022, skim ini bukan sekadar pemberian insentif kewangan, tetapi turut menjadi platform untuk menyemai semangat juang, membina keyakinan diri serta mendorong anak muda Pulau Pinang melangkah lebih jauh dan menjadi inspirasi kepada generasi lain.

Menurut Pengarah KVBL, **TS. NAZHAR KADER BAWA**, kejayaan tersebut merupakan hasil usaha kolektif yang bermula seawal tahun 2022 apabila beliau diberi peluang mengikuti latihan mentor-mentee di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

"Melalui program itu, saya banyak mempelajari kemahiran kepimpinan serta strategi pembangunan pasukan yang kemudiannya diterapkan pada peringkat kolej.

"Latihan tersebut telah membuka mata saya tentang pentingnya membina pasukan kerja yang dinamik dan saling mempercayai antara satu sama lain.

"Jadi, apabila saya ditempatkan di KVBL, pendekatan yang dipelajari itu segera dilaksanakan, selepas itu saya mengumpulkan kira-kira 15 staf untuk duduk berbincang mengenai matlamat serta hala tuju kolej.

"Dari situ, kami mula membina semangat bersama dan menjadikan



TS. Nazhar Kader Bawa (duduk, dua dari kiri) bersama-sama barisan pendidik dan pelajar KVBL yang menjadi tulang belakang kejayaan yang diraih pada 25 Oktober lalu.

pasukan ini lebih berfokus serta berdaya saing," jelasnya semasa sesi perkongsian bersama-sama wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL**, dan jurugambar, **LAW SUUN TING** baru-baru ini.

Tambah Nazhar, pengiktirafan di bawah Skim BEST! Anak Penang bukan sekadar simbol penghargaan, tetapi lambang keyakinan kerajaan terhadap kemampuan belia Pulau Pinang untuk terus menjadi pemangkin kemajuan negeri.

"Pencapaian ini bukan sahaja mengiktiraf keupayaan pengurusan dan tenaga pengajar KVBL, malah mencerminkan keberkesanan pelbagai inisiatif peningkatan kualiti pendidikan serta pembangunan pelajar di bawah bimbingan KPM," katanya.

Antara pendekatan utama yang diamalkan di KVBL termasuklah gaya kepimpinan berasaskan teknik *'coaching'*, komunikasi dua hala serta pengiktirafan terhadap sumbangan individu.

"Setiap tenaga pengajar digalakkan untuk berkongsi idea dan terlibat dalam proses membuat keputusan supaya rasa tanggungjawab dan kebersamaan dapat dipupuk," tambahnya.

Selain itu, pelajar turut diberi peluang memperkukuh kemahiran kepimpinan melalui pelbagai aktiviti serta projek berasaskan pembelajaran industri.

"Impaknya, inisiatif ini bukan sahaja meningkatkan keyakinan diri pelajar, tetapi juga melahirkan graduan yang lebih bersedia menghadapi cabaran dunia pekerjaan sebenar," jelas beliau yang telah berkhidmat di empat kolej vokasional lain sebelum ini.

Bagi Ts. Nazhar, pengiktirafan ini

*(Sambungan di muka 7).*

# Perkukuh keupayaan tangani bencana

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **SITI NURATIKAH RAHMAT**



**KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil agensi terlibat menyempurnakan Majlis Perasmian Pengoperasian SDCC di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berharap penaiktarafan Bilik Gerakan Negeri menjadi Pusat Kawalan Bencana Negeri (SDCC) akan memperkukuh keupayaan teknikal dan logistik dalam menghadapi situasi kecemasan di Pulau Pinang.

“Pulau Pinang tidak terkecuali daripada ancaman bencana alam dan pusat ini akan memastikan proses pengagihan sumber dan penempatan aset dapat dilaksanakan dengan lebih efisien ketika berlaku bencana," jelasnya seusai merasmikan pengoperasian pusat kawalan berkaitan di sini pada 14 Oktober 2025.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Zulkifli Long; Exco Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam, Lim Siew Khim dan Timbalan Ketua Pengarah Bahagian Pasca Bencana, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Hussain Moh turut sertai majlis tersebut.

Kon Yeow yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Tanah, Ekonomi dan Komunikasi berkata, SDCC akan berperanan mengintegrasikan maklumat, sistem kawalan serta sumber tenaga di bawah agensi-agensi berkaitan.

"Saya percaya Setiausaha Kerajaan Negeri sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana dapat menyelaras integrasi perkhidmatan dan logistik agensi-agensi terlibat kerana kita tahu mereka mempunyai sistem komunikasi, pengumpulan data dan sebagainya.

"Misalnya, saya pernah merasmikan pusat di Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) yang mempunyai sistem pemantauan banjir secara masa nyata," ujarnya.

Dengan NADMA memainkan peranan pada peringkat Persekutuan, Kon Yeow percaya SDCC akan berfungsi sebagai pusat penyelarasan pada peringkat negeri bagi mengintegrasikan semua agensi terlibat dalam menghadapi kemungkinan bencana sempena peralihan Monsun Timur Laut bermula pertengahan November hingga Mac 2026.

"Berdasarkan rekod, bulan September hingga November mencatatkan taburan hujan yang tinggi di Pulau Pinang dan dalam tempoh ini, tahap kesiapsiagaan perlu ditingkatkan bagi menghadapi cabaran bulan November dan Disember,” tambahnya.

Menjawab soalan pemberita, Kon Yeow memberitahu, terdapat 389 pusat pemindahan sementara (PPS) di kelima-lima daerah iaitu 117 di daerah Timur Laut, Barat Daya (34), Seberang Perai Utara (140), Seberang Perai Tengah (75) dan Seberang Perai Selatan (23).



**SALAH seorang pasukan pengurusan bencana sedang memantau isu-isu berpotensi dengan menggunakan data terkini secara masa nyata.**




**PUSAT Kawalan Bencana Negeri yang terletak di Tingkat 7, Komtar.**

Beliau turut memaklumkan bahawa terdapat 53 *hotspot* banjir di seluruh Pulau Pinang iaitu 10 di daerah Timur Laut, Barat Daya (13), Seberang Perai Utara (6), Seberang Perai Tengah (18) dan Seberang Perai Selatan (6).

"Definisi *hotspot* banjir adalah kawasan yang dilanda banjir sekurang-kurangnya tiga kali dalam tempoh tiga tahun terakhir.

"Sehingga Oktober 2025, jumlah sebenar kawasan terjejas masih dinilai, namun berdasarkan agihan bantuan yang disalurkan, kita dapat menilai tahap keseriusan bencana di negeri ini.

"Kerajaan Negeri memperuntukkan RM2 juta, tetapi hanya membelanjakan RM270,000 untuk agihan bantuan kepada mangsa banjir yang layak, yang mana di dua daerah langsung tidak ada perbelanjaan (diagihkan), menunjukkan bahawa insiden banjir di Pulau Pinang semakin berkurangan dalam tempoh satu hingga dua tahun ini," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Kon Yeow menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri sentiasa melaksanakan projek tebatan banjir dan menaik taraf sistem perparitan sedia ada bagi mengurangkan kejadian banjir di kawasan berisiko tinggi.

"Ketika ini, terdapat 14 projek tebatan banjir sedang dilaksanakan yang mana dalam Bajet 2026, turut diperuntukkan satu lagi projek di Sungai Nyiur.

"Semua projek ini menelan kos kira-kira RM1 bilion, kebanyakannya hasil peruntukan Kerajaan Persekutuan kepada JPS negeri agar dapat mengurangkan impak di *hotspot* banjir," jelasnya.

# Kerjasama perkukuh kesiapsiagaan

**PELANCARAN** Pusat Kawalan Bencana Negeri *(State Disaster Command Centre, SDCC)* di Tingkat 7, Komtar bukan sahaja bakal meningkatkan lagi keupayaan teknikal malah pengurusan logistik dalam menghadapi situasi kecemasan di negeri ini.

Timbalan Ketua Pengarah Bahagian Pengurusan Pasca Bencana, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Hussain Moh yang turut serta pada hari tersebut menyeru semua agensi kerajaan, pasukan keselamatan dan pihak berkuasa tempatan untuk terus bekerjasama memperkukuh pengurusan bencana dan kesiapsiagaan pada peringkat negeri dalam meningkatkan kecekapan serta keberkesanan tindakan berdepan bencana.

Dalam pada itu, Pegawai Daerah Seberang Perai Utara, **MOHD. HAFIZ ASWAD NADZRI** berkata bahawa peranan SDCC amat penting dalam menyokong, memantau dan menyelaras tindakan bencana pada peringkat daerah bagi memastikan pengurusan bencana lebih cekap dan teratur.

"Kerjasama rapat antara SDCC dan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Daerah membolehkan penyelarasan logistik, aset dan bantuan dilaksanakan dengan lebih efisien, terutamanya semasa menghadapi situasi kecemasan," katanya ketika dihubungi baru-baru ini.

Beliau menjelaskan bahawa Seberang Perai Utara (SPU) mempunyai enam kawasan *hotspot* banjir yang sentiasa diberi perhatian ketika musim hujan berterusan atau ketika paras air sungai meningkat.

"Berdasarkan pengalaman lalu, Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Seberang Perai Utara (PDTSPU) bersama-sama agensi penyelamat sudah bersiap siaga dengan pelan pemindahan serta keperluan asas di pusat pemindahan sementara (PPS).

"Fokus utama kami adalah keselamatan penduduk di kawasan berisiko.

"Selain itu, pemantauan rapi turut dilaksanakan bersama-sama agensi berwajib di bawah Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) bagi memastikan langkah awal dapat diambil sebelum keadaan menjadi kritikal," jelasnya lagi.

Sebagai inisiatif baharu di bawah Pelan Pengurangan Risiko Bencana *(Disaster Risk Reduction)*, Mohd. Hafiz Aswad memberitahu bahawa PDTSPU kini melaksanakan projek perintis di salah satu kawasan *hotspot* banjir.

"Projek ini bertujuan membangunkan profil terperinci setiap isi rumah, termasuk maklumat ketua keluarga, bilangan ahli serta keperluan khas seperti warga emas dan OKU.

"(Dan) dengan data ini, pengurusan dan pengecaman mangsa dapat dilakukan dengan lebih pantas, selain membantu SDCC menyalurkan maklumat secara *'real time'* semasa operasi bencana," ulasnya lanjut.



**MOHD. Hafiz Aswad Nadzri.**

Tambah beliau, usaha tersebut bukan sahaja meningkatkan keberkesanan pengurusan bencana, malah memperkukuh kesiapsiagaan komuniti setempat dalam menghadapi risiko banjir secara berterusan.

Sementara itu, Pegawai Daerah Timur Laut, **ISMASUHAIMI SHARIFF** menyatakan bahawa meskipun baru-baru ini lebih 50 kawasan di negeri ini dinaiki air selepas hujan lebat berterusan, tiada pusat pemindahan sementara (PPS) dibuka di daerah Timur Laut

"Dari segi persediaan, alhamdulillah, projek-projek rancangan tebatan banjir yang dilaksanakan di daerah ini berjaya mengurangkan risiko banjir kilat terutamanya di kawasan *hotspot*.

"Selain itu, kita (di Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut) juga telah menjalankan latihan amal dan simulasi bencana pada 14 Oktober lalu di Kompleks Masyarakat Penyayang yang melibatkan pelbagai agensi termasuk penghuni di Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Jelutong.

"Dalam latihan amal dan simulasi itu, kita dapat merancang dan menyusun pengurusan kendiri berkaitan bencana menggunakan sistem aplikasi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) iaitu MyIBJKM 2.0 (Sistem InfoBencana JKM 2.0).

"Aplikasi ini membolehkan mangsa bencana melakukan urusan seperti mendaftar di PPS, menyemak lokasi PPS terdekat dan menguruskan lain-lain maklumat peribadi sama ada sebelum, semasa dan selepas bencana," ujarnya ketika dihubungi.

Beliau turut memaklumkan bahawa dari segi logistik, penyediaan seperti khemah di PPS turut diberikan perhatian.

"Malah, kita dan pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang turut turun padang meninjau kawasan-kawasan *hotspot* seperti di Sungai Pinang, Jelutong dan Kampung Dodol.

"Kesiapsiagaan peralatan dan sistem amaran banjir turut disemak dari semasa ke semasa termasuk di kawasan pam air terlibat di bawah Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan JPS," ulasnya.

Bercakap mengenai SDCC, Ismasuhaimi memberitahu bahawa pusat tersebut menjadi pusat kawalan utama dalam menyelaras semua agensi terlibat dengan lebih teratur dan bersepadu.



**WONG Hon Wai (duduk, kanan) ketika meninjau kerja-kerja di tapak Projek Lencongan Air Itam di sini baru-baru ini.** ***(Gambar ihsan: Exco)***



**ISMASUHAIMI Shariff.**

"SDCC juga dilihat dapat meningkatkan keupayaan logistik dan teknikal negeri untuk bertindak pantas ketika terjadinya sesuatu bencana contohnya ketika musim Monsun Timur Laut atau fenomena *La Nina*.

"(Dan) melalui SDCC penyelarasan maklumat juga menjadi lebih pantas dan tepat berdasarkan data masa nyata dan telemetri," tambahnya lagi.

Bagi Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong, **WONG HON WAI**, beliau turut menyambut baik pengoperasian SDCC.

Menurut beliau, projek-projek tebatan banjir juga memainkan peranan penting dalam memastikan keberkesanan pengurusan bencana.

"Misalnya, Projek Lencongan Air Itam iaitu projek pembinaan terowong saliran bawah tanah merupakan salah satu langkah proaktif menghadapi peralihan monsun.

"Terowong sepanjang lebih 100 meter dengan kelebaran 1.8 meter dan kedalaman 2 meter itu berfungsi untuk menyalurkan air hujan terus ke Sungai Dondang.

"Terowong saliran ini telahpun menunjukkan keberkesanannya apabila kawasan di sepanjang Jalan Thean Teik yang dikenal pasti sebagai kawasan kerap banjir selama lebih 30 tahun, kini tiada lagi laporan banjir diterima.

"Saya percaya projek ini berkesan dalam mengurangkan risiko bencana banjir serta mampu menjadi model bagi penambahbaikan sistem saliran di kawasan berisiko tinggi banjir di negeri ini," jelasnya.



**LATIHAN amal dan simulasi bencana yang diadakan pada 14 Oktober lalu.** ***(Gambar ihsan: JKM Pulau Pinang).***

# TANAM POKOK BAKAU

## seimbangkan pembangunan pulihara alam sekitar

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**BUKIT TAMBUN -** Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) melalui tanggungjawab sosial korporat (CSR) menanam sebanyak 1,000 batang pokok bakau sebagai komitmen berterusan agensi negeri itu terhadap agenda kelestarian dan pembangunan mampan di negeri ini.

Majlis perasmian penanaman pokok bakau itu disempurnakan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow di *Bandar Cassia Technology Park* (BCTP) dekat sini pada 17 Oktober lalu.

Kon Yeow berkata, penganjuran program tersebut membuktikan bahawa pembangunan fizikal dan pemuliharaan alam sekitar perlu dilaksanakan seiring demi kesejahteraan generasi kini dan akan datang.

Selain selari dengan Visi Penang2030, beliau menyatakan bahawa program itu juga seiring dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), khususnya SDG 13 (Tindakan Terhadap Perubahan Iklim) dan SDG 15 (Kehidupan di Darat) yang dapat memperkukuh daya tahan ekosistem paya bakau serta memperkasa kesedaran masyarakat melalui penyertaan pelbagai lapisan komuniti.

"Saya dimaklumkan bahawa program ini menghimpunkan hampir 200 peserta terdiri daripada Ahli-Ahli Exco Kerajaan Negeri, Ahli Lembaga Pengarah PDC, pelajar Universiti Sains Malaysia (USM), wakil agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), warga kerja PDC dan anak-anak syarikatnya.

"Penanaman 1,000 batang pokok bakau ini menandakan satu langkah bermakna dalam membentuk benteng semula jadi menentang hakisan dan banjir, di samping menjadi habitat penting bagi pelbagai spesies marin serta burung.

"Inilah contoh nyata, tindakan kecil yang dilakukan secara kolektif mampu memberi impak besar kepada alam sekitar dan komuniti sejajar dengan semangat Penang2030 iaitu masyarakat inklusif yang bergerak bersama demi kesejahteraan bersama," katanya.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Jagdeep Singh Deo; barisan Ahli Exco Kerajaan Negeri; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Goh Choon Aik; Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Zabidah Safar; Ketua Pegawai Eksekutif PDC, Dato' Aziz Bakar serta ketua-ketua jabatan PDC.

Kon Yeow yang juga Pengerusi PDC memberitahu bahawa langkah progresif yang dilaksanakan PDC jelas menunjukkan keupayaan organisasi itu dalam mengarusperdanakan prinsip ESG (Alam Sekitar, Sosial, dan Tadbir Urus) dalam setiap aspek pentadbiran dan pelaksanaan projek.

"Pendekatan berasaskan kelestarian ini bukan sahaja menzahirkan wawasan PDC sebagai pemacu pembangunan negeri, tetapi turut memastikan keseimbangan antara kemajuan fizikal dan pemeliharaan alam sekitar," katanya.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang turut memperkukuh komitmen terhadap agenda nasional di bawah Rangka Tindakan Ekonomi MADANI dan Dasar Perubahan Iklim Negara, sejajar dengan aspirasi Malaysia mencapai neutral karbon menjelang tahun 2050.

"Pada peringkat negeri, komitmen ini dizahirkan melalui pelaksanaan Pelan Tindakan Iklim Negeri Pulau Pinang, *Blueprint Penang2030* dan inisiatif *Penang Green Agenda* yang mengimbangi pembangunan ekonomi dengan kesejahteraan sosial rakyat.



**KETUA Menteri bersama-sama barisan Exco yang hadir menyempurnakan program CSR penanaman pokok bakau oleh PDC di sini baru-baru ini.**

"Seiring dasar tersebut, inisiatif penanaman pokok bakau di negeri ini sejak sedekad lalu telah memperlihat pelbagai kejayaan membanggakan.

"Antaranya penglibatan pelbagai pihak termasuk Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan (PBT), agensi kerajaan, NGO, komuniti nelayan dan sektor swasta yang mencerminkan semangat kerjasama serta tanggungjawab bersama dalam memulihara ekosistem pesisir.

"Program berskala besar ini juga berjaya memperluas kawasan hijau dan meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan hutan bakau sebagai benteng semula jadi negeri," ujarnya yang juga Ahli Parlimen Batu Kawan.

Justeru, beliau menyeru agar usaha penghijauan dan pemuliharaan alam sekitar diteruskan secara inklusif oleh semua pihak.

"Kejayaan agenda kelestarian tidak mungkin dicapai oleh kerajaan semata-mata, tetapi menuntut sinergi semua pihak yang mana setiap sumbangan adalah sebahagian daripada usaha besar untuk memastikan alam semula jadi ini terus diwarisi dalam keadaan yang lebih baik daripada yang kita terima.

"Marilah kita terus berganding bahu dalam menjaga kelestarian bumi yang kita warisi ini.

"Setiap langkah kecil yang kita ambil hari ini akan membentuk masa depan yang lebih besar dan bermakna untuk generasi akan datang.

"Dengan semangat Penang2030 dan Malaysia Madani, saya yakin negeri Pulau Pinang akan terus melangkah maju sebagai negeri yang makmur, sejahtera dan berdaya tahan," tambahnya.



**DERETAN pokok bakau yang ditanam.**



**SEBAHAGIAN pegawai dan kakitangan jabatan serta agensi yang terlibat dalam program CSR oleh PDC di sini.**

# Perintis tanam padi ratun

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **SITI NURATIKAH RAHMAT**

**GEORGE TOWN -** Pulau Pinang bersedia menjadi negeri perintis kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bagi pelaksanaan projek teknologi penanaman padi ratun *(ratoon rice)*.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi memaklumkan perkara itu seusai menyampaikan ucapan perasmian Karnival Industri Makanan dan Asas Tani (IMAT) Negeri Pulau Pinang di Padang Kota Lama di sini pada 19 Oktober 2025.

"Di Wilayah Fujian, China mereka berjaya menanam padi jenis ratun yang mana sekali tanam boleh dituai dua kali berbanding varieti sedia ada yang hanya boleh dituai sekali sahaja.

"Justeru, Pulau Pinang menawarkan diri untuk menjadi negeri perintis dalam pelaksanaan teknologi pertanian baharu ini," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan.

Sementara itu, Exco Agroteknologi, Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi, Fahmi Zainol menyatakan bahawa tuaian kali kedua bagi padi jenis ratun hanya mengambil masa sekitar 70 hari sahaja.

Jika projek perintis tersebut dilaksanakan di negeri ini, beliau yang juga ADUN Pantai Jerejak menjelaskan bahawa proses tuaian padi boleh dilakukan sehingga empat kali setahun.

Sebelum itu, Kon Yeow turut menyambut baik usaha Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) serta KPKM atas penganjuran Karnival IMAT 2025 dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Pulau Pinang yang sinonim sebagai Lembah Silikon Timur, kini turut melangkah ke hadapan dalam pembangunan bioteknologi pertanian dan pertanian pintar *(smart farming)*.

"Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan akan terus bekerjasama erat dalam memperkukuh rantaian bekalan makanan, memperluas tanah pertanian baharu serta meningkatkan produktiviti melalui pembangunan infrastruktur agro, pusat pengumpulan hasil dan rangkaian logistik moden.

"Sehubungan itu, karnival ini menjadi platform penting memperkasa sektor agromakanan negeri," ujarnya.




**KETUA Menteri bersama-sama Fahmi Zainol (tujuh dari kiri), Ir. A. Rajendran (enam dari kiri) dan wakil jabatan serta agensi terlibat menyempurnakan pemberian geran dan bantuan usahawan pada Karnival IMAT Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

Dalam pada itu, Pengerusi FAMA, Aminuddin Zulkipli memaklumkan bahawa penganjuran karnival kali ini merupakan edisi kedua selepas Sabah, dan dalam tahun ini juga akan dianjurkan dua kali lagi karnival sama di Sarawak serta Selangor.

Di samping itu, beliau memberitahu bahawa bekalan makanan di bawah seliaan FAMA adalah mencukupi bagi menghadapi sebarang kemungkinan berikutan Monsun Timur Laut.

Turut hadir, Datuk Bandar MBPP, Dato' Ir. A. Rajendran; Ketua Polis Daerah Timur Laut, ACP Abdul Rozak Muhammad; dan Ketua Pengarah FAMA, Abdul Rashid Bahri.


TAMAN
SELAYANG JAYA

SENI BINA KOLONIAL DENGAN SENTUHAN MODEN







5% Diskaun untuk Bumiputera
Hakmilik Kekal

RUMAH TERES 2 TINGKAT
Luas Tanah: 1,600 KP ke atas
Luas Binaan: 1,900 KP ke atas
4 bilik tidur
4 bilik mandi

Jenis A
4 unit (24' x ±45')

Jenis B
20 unit (20' x ±45')

Harga Min: RM 1,088,000.00
Harga Maks: RM 1,774,000.00

SP CITY DEVELOPMENT SDN. BHD.
201001031236 (915159-W)
No. 6683, Jalan Bagan Ajam, 13000 Butterworth, Pulau Pinang.

Sila Hubungi:
017-685 3566

Nama Syarikat: SP City Development Sdn Bhd 201001031236 (915159-W) . No. Lesen Pemaju: 13088/09-2026/0048(A) . Tempoh Sah: 17/09/2016 - 16/09/2026 . No. Permit Iklan dan Jualan: 13088-2/11-2026/1079(A)-(L) . Tempoh Sah: 27/11/2024-26/11/2026 . Jenis Pegangan: Pegangan Bebas . Bebanan Tanah: Public Bank Berhad . Tarikh Jangka Siap: 09/03/2027 . Pihak Berkuasa Tempatan: Majlis Bandaraya Seberang Perai . No. Kelulusan Pelan Bangunan: MBSP/40/20-09/23 (15) . Jenis Bangunan: Rumah Teres 2-Tingkat, Jumlah Unit Jenis A: 4 Unit . Jumlah Unit Jenis B: 20 Unit . Harga Min: RM 1,088,000.00 . Harga Maks: RM 1,774,000.00 . Diskaun Bumiputera: 5%

# ‘The Night Shelter’ raih pengiktirafan antarabangsa

**KEJAYAAN** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dalam melaksanakan projek berteraskan kelestarian terus diiktiraf apabila *‘The Night Shelter’* atau Rumah Transit Gelandangan bukan sahaja merangkul *National Energy Award 2025*, malah mengharumkan nama Malaysia di pentas *ASEAN Energy Award* yang berlangsung pada 16 Oktober lalu.

Projek berimpak tinggi yang dikendalikan Jabatan Kawalan Bangunan MBPP itu dinilai cemerlang atas pendekatan holistiknya dalam menangani isu sosial melalui konsep bangunan hijau dan pengurusan tenaga mampan.

Wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL** bersama-sama jurugambar, **ALISSALA THIAN** berkesempatan menemu bual Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan MBPP, **RIZUWAN SALLEH** bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai kejayaan tersebut.

Menurut Rizuwan, kemenangan itu amat bermakna kerana daripada 173 penyertaan pada peringkat kebangsaan, hanya 16 projek dipilih mewakili Malaysia ke peringkat Asia.

“Projek ini bukan sekadar bangunan transit, tetapi model pembangunan mampan berkonsepkan *‘triple net zero’* iaitu penggunaan tenaga, air dan sisa yang minimum.

“Rumah Transit Gelandangan dibina bagi menyediakan kemudahan tempat tinggal sementara, makanan dan latihan kemahiran bagi membantu penghuni membina semula kehidupan mereka apabila keluar dari pusat tersebut.

“Malah, bangunan tersebut turut dilengkapi panel solar, sistem pengesan pergerakan, penuaian air hujan serta rawatan sisa, yang membantu menjimatkan tenaga dan kos operasi selain mengurangkan impak terhadap alam sekitar sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dan prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG),” jelasnya.

Selain menekankan kelestarian, projek ini juga mengekalkan nilai warisan dengan mengekalkan fasad bangunan asal. Ia dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan diselia oleh MBPP.

“Kita turut melatih petugas Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk menguruskan operasi bangunan ini dengan cekap, termasuk aspek penyediaan makanan dan pengurusan sisa,” jelasnya.

Menurut Rizuwan, projek berkenaan diiktiraf oleh pelbagai badan profesional termasuk *Green Building Council*, Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM), dan *Malaysian Institute of Planners* (MIP). Ia turut menerima *Silver Award* di Kaherah, Mesir atas reka bentuk berteraskan prinsip ESG dan SDG.

“Selain menjadi pusat transit, projek ini juga memperkukuh jaringan kerjasama antara agensi kerajaan, komuniti setempat, NGO dan sektor swasta dalam memberi bantuan serta latihan kepada penghuni,” tambahnya.

Dalam pada itu, Rizuwan berkongsi bahawa MBPP kini merancang untuk memperluaskan konsep tersebut ke kawasan lain selepas terbukti berjaya menangani isu sosial dan kebersihan bandar secara bersepadu.

“Projek *‘The Night Shelter’* membuktikan bagaimana agensi tempatan mampu menterjemahkan dasar pembangunan mampan negeri dalam bentuk fizikal yang memberi manfaat langsung kepada rakyat.

“Ia bukan sekadar tempat perlindungan, tetapi ruang untuk memulihkan keyakinan dan maruah insan yang tersisih,” katanya.

Rizuwan turut menekankan bahawa pembangunan mampan bukan hanya berasaskan teknologi, tetapi berpaksikan nilai kemanusiaan dan keseimbangan sosial.

“Sejak 2021, MBPP telah menerima 16 pengiktirafan dalam bidang tenaga dan kelestarian. Kami akan terus memperkukuh pelaksanaan ESG dalam setiap projek baharu.

“Antara kejayaan MBPP termasuk *GRP Champion Award*, *National Scroll of Honour*, *PAM Awards*, *MalaysiaGBC Leadership Award, The Edge PAM Green Excellence Award* serta *Green Building Index Award*.

“Ia bukan sekadar kejayaan, tetapi tanggungjawab untuk memastikan masa depan bandar ini lebih lestari dan berdaya tahan,” katanya menutup bicara.




**RIZUWAN Salleh (tengah) menerima Anugerah Kecekapan Tenaga bagi Bangunan Hijau Kecil menerusi projek *The Night Shelter* yang disampaikan oleh Timbalan Perdana Menteri II, Datuk Seri Fadillah Yusof (dua dari kiri) baru-baru ini.**




**ANTARA pengiktirafan yang diterima.**



**PUSAT Transit Gelandangan yang terletak di Jalan C.Y. Choy menjadi model pembangunan mampan berkonsepkan *'triple net zero'*.**

*(Sambungan dari muka 1).*

# Model terbaik institusi vokasional

bukan penamat kepada perjuangan KV Batu Lanchang, sebaliknya menjadi pemangkin untuk terus memperkukuh kualiti pendidikan dan pengurusan kolej.

“Pelbagai strategi baharu sedang dirancang bagi memastikan momentum kecemerlangan ini dapat diteruskan.

“(Dan) dengan kejayaan demi kejayaan yang diraih, KVBL kini muncul sebagai antara model terbaik dalam kalangan institusi vokasional negara,” katanya.

Tambah beliau, setiap pengalaman termasuk kegagalan menjadi ruang pembelajaran penting.

“Dari kegagalan, saya belajar bagaimana untuk memperbaiki kelemahan dan mencipta suasana kerja yang lebih positif.

“Kejayaan pelajar dalam pertandingan mahupun penerimaan mereka di alam pekerjaan selepas tamat pengajian adalah kebanggaan yang sukar digambarkan,” ujarnya penuh syukur.

Bagi pelajar tahun akhir, **NUR IRDINA QAISARA ISMAIL**, pengiktirafan yang diterima KVBL memberi dorongan besar kepada pelajar untuk terus berusaha.

“Kami rasa dihargai kerana kolej kami diiktiraf atas hasil kerja keras semua pihak.

“Pensyarah juga banyak memberi motivasi dan peluang untuk kami belajar daripada pengalaman sebenar industri, dengan itu, kami lebih yakin untuk melangkah ke dunia pekerjaan nanti,” katanya dengan penuh rasa bangga.

Skim BEST! Anak Penang terbukti bukan sekadar satu inisiatif penghargaan, tetapi wadah yang menyemarakkan semangat kecemerlangan dalam kalangan belia Pulau Pinang. Malah, pengiktirafan yang diterima oleh KVBL bukan sekadar satu kejayaan institusi, tetapi cerminan usaha bersepadu seluruh warga pendidikan teknikal Pulau Pinang dalam melahirkan generasi muda berdaya saing dan berwawasan tinggi sejajar dengan aspirasi negeri untuk menjadi hab pendidikan TVET unggul di Malaysia.



**PARA pelajar KVBL menunjukkan pengiktirafan yang diterima melalui Skim BEST! Anak Penang.**


Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang
Penang Development Corporation

UNIT-UNIT KOMERSIAL PDC
UNTUK SEWAAN / JUALAN

KOMTAR

KADAR SEWAAN BULANAN
**DARI RM627.60 (161 KP)**

KOMPLEKS JALAN KEDAH

KADAR SEWAAN BULANAN
**DARI RM1,458.87 (804 KP)**

1 WORLD

KADAR SEWAAN BULANAN
**DARI RM4,411.40 (1745 KP)**

TINGKAT KENARI

KADAR SEWAAN BULANAN
**DARI RM1,800.00 (1919 KP)**

HUBUNGI KAMI : 04-510 6247 / 6190 / 6244 / 3595 salesmarketingbph@pdc.gov.my

# Perkukuh modal insan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang komited memperkukuh agenda pembangunan bakat dan modal insan melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif berteraskan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) bagi memenuhi keperluan industri berteknologi tinggi pada masa depan.

Timbalan Ketua Menteri II, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa perkara itu dibincangkan secara konsisten dalam Mesyuarat Jawatankuasa Sains dan Teknologi yang diadakan secara berkala sejak beliau menerajui MMK Pembangunan Modal Insan, Sains dan Teknologi.

"Mesyuarat yang diadakan ini bukan sahaja bertujuan membincangkan hala tuju pembangunan Pulau Pinang tetapi juga aspek pembangunan modal insan yang menjadi keutamaan Kerajaan Negeri," ujarnya pada sidang media selepas mesyuarat berkenaan di sini pada 3 November 2025.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, Connie Tan Hooi Peng dan ADUN Komtar, Teh Lai Heng, bersama-sama wakil pelbagai jabatan dan agensi.

Mengulas lanjut, Jagdeep yang juga Exco Pembangunan Modal Insan, Sains dan Teknologi menyatakan bahawa dalam memperkukuh sinergi, Kerajaan Negeri turut berkolaborasi dengan pelbagai jabatan dan agensi luar seperti Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP); Institut Jurutera Malaysia (IEM), Pusat Pengajian Marin dan Pesisir Pantai (CEMACS) Universiti Sains Malaysia (USM); *Penang Science Cluster* (PSC); *Tech Dome Penang* dan *Penang Math Platform*.

"Hasil kolaborasi ini, sebanyak 22 program berkaitan sains, teknologi dan pembangunan modal insan telah berjaya dilaksanakan tahun ini di bawah portfolio Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Pembangunan Modal Insan, Sains dan Teknologi, antaranya *STEM Grooming Camp, Math Fair 2025*, dan *Discovering GEMS (Great English and Math Stars)*.

"Selain itu, Kerajaan Negeri turut menjalinkan kerjasama erat dengan pelbagai pihak termasuk agensi Persekutuan, institusi pengajian tinggi serta pemain industri, selain turun padang ke lebih 50 lokasi perindustrian bagi memahami keperluan sebenar sektor itu," katanya sambil merakamkan penghargaan kepada semua ahli jawatankuasa yang terlibat atas komitmen menjayakan usaha memperkukuh ekosistem sains dan teknologi di Pulau Pinang.

Tambah beliau, semua inisiatif tersebut adalah sebahagian daripada usaha berterusan Kerajaan Negeri dalam memberi fokus terhadap pendedahan awal kepada pelajar tentang dunia STEM serta kemahiran era kecerdasan buatan (AI) yang kian pesat berkembang kini.

Dalam pada itu, Jagdeep memaklumkan bahawa Pulau Pinang kini menempatkan lebih 450 syarikat multinasional (MNC) dan 7,000 perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dari serata dunia.

"Angka ini terus berkembang dengan pembangunan Taman Perindustrian Batu Kawan (BKIP) dan Taman Teknologi Pulau Pinang di Bertam, yang mampu menarik lebih banyak pelaburan industri berteknologi tinggi ke negeri ini.

"Pulau Pinang sedang mewujudkan ruang untuk dunia datang ke sini, pada masa sama memastikan negeri ini mempunyai tenaga kerja berpengetahuan dan berkemahiran tinggi," jelasnya.

Bercakap mengenai perancangan bagi tahun 2026, Jagdeep memberitahu bahawa Kerajaan Negeri telah merangka beberapa inisiatif dengan tumpuan utama adalah kepada empat program iaitu *STEM Grooming Camp*; *Blue Frontiers: Meneroka Sains* dan Teknologi Marin untuk Masa Depan; *AeroSTEM 2025* dan *Math Fair 2025*.



**JAGDEEP Singh Deo (dua dari kanan) beramah mesra dengan para peserta yang mempamerkan projek mereka sempena program *Inclusive STEM 2025*.**



**LIMA pelajar sekolah menengah di Pulau Pinang yang mewakili Malaysia ke *The 9th Belt & Road Teenager Maker Camp & Teacher Workshop* di Nanning, China baru-baru ini. *(Gambar ihsan: Penang Math Platform)*.**

## Digitalisasi lonjak PdP Abad Ke-21

**TELUK BAHANG –** Sebanyak 12 sekolah terpilih di kawasan Parlimen Balik Pulau kini selangkah ke hadapan dalam era pendidikan digital apabila masing-masing menerima skrin sentuh dan papan putih interaktif *(smartboard)* bernilai RM12,999 seunit.

Kemudahan canggih tersebut disediakan Ahli Parlimen Balik Pulau, Dato' Muhammad Bakhtiar Wan Chik, melalui peruntukan khas berjumlah RM155,988 bagi meningkatkan mutu pembelajaran di sekolah-sekolah berkenaan.

"Pemilihan sekolah ini dibuat berdasarkan keperluan dan potensi masing-masing untuk memanfaatkan teknologi ini sepenuhnya dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Abad Ke-21 yang lebih efektif serta interaktif," jelasnya pada majlis penyerahan kemudahan pintar itu di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pondok Upeh di sini pada 3 November 2025.

Kehadiran Pegawai Pendidikan Daerah Barat Daya, Hassan Din, bersama barisan pengetua dan guru besar sekolah penerima turut menyerikan majlis tersebut.

Berucap lanjut, Muhammad Bakhtiar menyatakan bahawa Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan komited meningkatkan mutu pendidikan sekolah dengan menerapkan elemen digital secara menyeluruh.

Selari dengan hasrat tersebut, katanya, sejumlah RM923,035 telah dimanfaatkan khusus untuk sektor pendidikan, iaitu sebahagian besar daripada peruntukan Projek Mesra Rakyat berjumlah RM2 juta.

Dalam perkembangan berkaitan, Muhammad Bakhtiar turut menyuarakan harapan agar semua pihak, termasuk ibu bapa dan guru, memainkan peranan aktif bagi memastikan keseimbangan dalam penggunaan teknologi serta gajet dapat diterapkan dalam masyarakat, sebagaimana diamalkan di negara maju seperti Sweden, Australia dan Jepun.

"Dengan berbuat demikian, ia sekali gus dapat membantu generasi muda, khususnya di kawasan Parlimen Balik Pulau, menguasai kemahiran digital serta melahirkan generasi pelajar yang bersedia menghadapi cabaran global," ujarnya.



**MUHAMMAD Bakhtiar Wan Chik (kiri sekali) turut meluangkan masa melawat reruai pameran seusai majlis penyerahan *smartboard* yang diadakan di SMK Pondok Upeh baru-baru ini.**

# MyPublicInfobanjir bantu rakyat siap siaga hadapi bencana

**FASA** peralihan Monsun Timur Laut yang bermula November dijangka membawa taburan hujan lebat serta ribut petir berlaku pada sebelah petang dan awal malam.

Susulan pengumuman Pusat Operasi Cuaca dan Geofizik Nasional, Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) pada akhir September lalu, pelbagai pihak mula meningkatkan tahap kesiapsiagaan menghadapi risiko banjir.

Fasa peralihan monsun telah membimbangkan ramai pihak terutama komuniti yang tinggal di kawasan tumpuan *(hotspot)* banjir seperti dikenal pasti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), iaitu 41 di Daerah Timur Laut, Daerah Barat Daya (41), Seberang Perai Utara (66), Seberang Perai Tengah (88) dan Seberang Perai Selatan (20).

Pada 28 Oktober lalu, wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **SITI NURATIKAH RAHMAT** berkesempatan menemu bual Pengarah Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Pulau Pinang, **LEFTENAN KOLONEL BERSEKUTU (PA) OOI SOON LEE** di Pusat Pemantauan Banjir dan Kemarau, JPS Negeri Pulau Pinang, Aras 55, Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar).

Pegawai Hidrologi JPS Negeri Pulau Pinang, Mohammad Ridzuan Ahmad dan Penolong Jurutera (Bahagian Hidrologi) JPS Negeri, Siti Nazliah Osman turut serta dalam sesi temu ramah itu.

Soon Lee memberitahu bahawa JPS telah membangunkan aplikasi pintar MyPublicInfobanjir bagi membolehkan orang awam memantau paras sebenar air sungai di kawasan masing-masing secara masa nyata.

"Kita tidak seperti masyarakat di Jepun dan Taiwan yang sangat peka terhadap ramalan cuaca, dahulu mungkin kerana maklumat tidak tepat, kita jarang mengikuti laporan cuaca.



**LEFTENAN Kolonel Bersekutu (PA) Ooi Soon Lee menunjukkan tatacara pengoperasian sistem yang digunakan di Pusat Pemantauan Banjir dan Kemarau di sini baru-baru ini.**

"Tetapi kini, dengan memuat turun aplikasi MyPublicInfobanjir, orang ramai boleh mengetahui paras air sungai di kawasan masing-masing sama ada berada pada paras normal, amaran atau bahaya," katanya.

Selain *MyPublicInfobanjir*, beliau menyatakan bahawa JPS negeri turut memperkukuh komuniti tempatan melalui dua inisiatif utama, iaitu Kempen Amaran Ramalan Informasi Banjir (KARIB) dan *Communication, Education and Public Awareness* (CEPA).

"Dalam pengurusan bencana, JPS mengamalkan tiga fasa utama iaitu sebelum, semasa dan selepas banjir.

"Setakat ini, JPS Negeri mempunyai 136 Stesen Hujan di lokasi strategik bagi memantau taburan hujan, 72 Stesen Aras Air untuk mengukur paras sungai secara masa nyata, dan 56 Stesen Siren di kawasan berisiko tinggi," ujarnya.

Menurutnya lagi, JPS turut memasang kamera litar tertutup (CCTV) di enam lokasi strategik bagi membantu sistem amaran awal kepada penduduk berhampiran sebelum bencana berlaku.

"JPS juga menyelenggara 44 rumah pam saliran, 40 rumah pam pengairan serta 35 pintu air di seluruh negeri.

"Bagi menghadapi musim monsun ini, kami turut bersiap sedia dengan aset termasuk 29 pam mudah alih, lori pengangkut, lori kren, dan jentera pengorek," jelasnya.

Beliau menambah, kerja-kerja penyelenggaraan sungai dan sistem saliran dijalankan secara berkala bagi memastikan aliran air lancar, termasuk aktiviti pembersihan, memperdalam dan memperlebar sungai utama.

Dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini, Soon Lee berkata bahawa JPS negeri telah menyiapkan lapan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di Pulau Pinang.

"Ketika ini, terdapat 12 projek RTB sedang dijalankan di kawasan berisiko tinggi. Sebahagiannya dijangka siap tahun ini, manakala selebihnya pada 2026 dan 2027," katanya.

Menyentuh mengenai perancangan masa depan JPS negeri pula, beliau berkongsi bahawa terdapat empat lagi projek baharu akan dilaksanakan mulai 2026 dengan peruntukan daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

"Sebagaimana diumumkan oleh Perdana Menteri semasa membentangkan Bajet 2026 baru-baru ini, Pulau Pinang dapat satu projek baharu iaitu RTB Sungai Nyiur dekat Daerah Seberang Perai Utara (SPU).

"Pada masa sama, dua lagi projek di bawah peruntukan Kerajaan Negeri akan dilaksanakan di sekitar Bayan Baru dan Permatang Rawa, selain RTB Sungai Dua Besar di sempadan Timur Laut–Barat Daya," jelasnya.

Mengakhiri bicara, Soon Lee berkata bahawa peralihan Monsun Timur Laut lazimnya memberi kesan lebih besar kepada negeri-negeri di Pantai Timur seperti Kelantan dan Pahang, namun Pulau Pinang tetap perlu berwaspada.

"Saya berharap penduduk Pulau Pinang peka terhadap amaran cuaca yang dikeluarkan MET Malaysia dan memanfaatkan aplikasi MyPublicInfobanjir untuk mendapatkan maklumat terkini.

"Jangan sesekali memandang ringan amaran bencana dan elakkan membuang sampah ke dalam longkang atau sungai kerana ia boleh menyebabkan banjir kilat.

"Bagi mengurangkan risiko banjir, JPS memerlukan kerjasama semua pihak termasuk persatuan penduduk dan NGO, bukan hanya NADMA atau Kerajaan Negeri melalui Pusat Kawalan Bencana Negeri (SDCC)," katanya.

## Tingkat kecekapan menyelamat di lorong sempit

**PULAU BETONG –** Impian penduduk dan 'wira merah' setempat untuk memiliki aset penyelamat yang lebih lincah akhirnya menjadi kenyataan apabila Ahli Parlimen Balik Pulau, Muhammad Bakhtiar Wan Chik menyumbangkan sebuah jentera bomba baharu kepada Persatuan Bomba Sukarela (PBS) Pulau Betong.

Penyerahan jentera tersebut disaksikan Penolong Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat, Pg. KB I Joh Sagun Francis dalam satu majlis ringkas pada 1 November lalu di sini.

Semasa berucap, Muhammad Bakhtiar berkata bahawa jentera baharu bersaiz kecil dan kompak itu merupakan aset strategik yang dapat meningkatkan kecekapan operasi PBS, khususnya di kawasan perkampungan yang mempunyai lorong sempit.

"Saiz jentera ini sangat sesuai digunakan untuk tindakan awal penyelamatan di kawasan desa, terutama ketika berlakunya bencana seperti banjir," katanya.

